

12/03/2001

Usah terpengaruh seruan demonstrasi

Anak Johor Selepas Merdeka

SAYA terpenggil untuk menulis di ruangan ini berkaitan satu ceramah pembangkang di Taman Senai Utama, Johor Bahru pada 3 Mac lalu serta gelagat jaguh jalanan bertaraf rakyat Malaysia.

Salah seorang penceramah mendakwa: "Di luar sana terdapat 20,000 orang sedang dalam perjalanan untuk mendengar ceramah, jadi saudara-saudara di depan sila beri ruang."

Apa yang saya saksikan jumlah kehadiran cuma kira-kira 2,000 orang, termasuk anggota keselamatan dan penduduk taman berkenaan. Jelas sekali penceramah tanpa segan-silu adalah pakar tokok tambah persis tukang karut.

Kemudian baru saya dimaklumkan ceramah itu tiada permit tetapi penganjur bertindak meneruskannya juga.

Pada pandangan saya, pihak penganjur sekadar ingin menerima hamburan pujian daripada pemimpin atasannya atau sudah naik lemak berikutan anggapan pihak berkuasa tidak mengenakan tindakan yang lebih keras.

Kalau berjaya, merekalah jaguh dan angkuh serta merasakan diri hebat dan kebal daripada tindakan undang-undang. Kalau tidak berjaya pula, mereka pasti mengambil kesempatan menyalahkan pihak terbabit, seolah-olah perbuatan mereka itu sebagai perjuangan untuk rakyat jelata. Ini kerja orang sakit kronik yang perlu diubati segera.

Kesabaran, profesionalisme dan budi bicara yang ditunjukkan oleh anggota keselamatan Johor patut dipuji kerana bijak menangani keadaan dan mencegah sebarang kekecohan. Mereka menjalankan tugas memelihara keselamatan dan ketenteraman awam.

Rakyat Malaysia cintakan keamanan tetapi adalah jelas ada dalang yang cuba mengambil kesempatan menghasut serta mencetuskan tindakan agresif.

Mereka ini terus berbangga dengan menonjolkan pelbagai gelaran profesional, ulama dan intelek hanya dari segi perolehan sijil dan taktik mengangkat diri sendiri sebagai pemimpin.

Sedangkan jiwa mereka kosong dan bakti juga tiada tetapi dilambung angan-angan, termasuk ingin bergelar 'Wira Palestin'.

Kepada mereka ini, janganlah hanya seronok bertempik di atas pentas dan menonjolkan imej alim kucing hanya untuk didengar dan dilihat tanpa berada di medan pertempuran sebenarnya.

Sebaliknya, ramai anggota keselamatan kita terkorban dan mengalami kecederaan sebelum dan selepas kemerdekaan bagi menentang musuh negara. Hingga kini, mereka menjalankan tugas dengan penuh keikhlasan menentang penjenayah dan anasir jahat bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam.

Pada majlis itu, penyampaian ceramah lebih bersifat retorik dan mirip penglipur lara menghibur dan mengajak pendengar ketawa mengejek - kata budak-budak sekarang 'budaya gian mikrofon' dan 'surat khabar lama'.

Ucapan dimulakan dengan memberi salam. Mukadimah baik semacam bunyi orang alim dan warak tetapi seterusnya penuh dengan kekalutan yang bukan mencerminkan akhlak Islam.

Bolehkah kita isi kehidupan dengan bergelak ketawa berlebihan atau hanya pandai menutur kata dan lebih tepat maksud perumpamaan, 'rumah siap pahat pun berbunyi'?

Mereka menyalahkan kepemimpinan negara walhal pemimpin dunia sekalipun mengakui kewibawaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pembangkang mungkin berbangga dapat menakluki Terengganu tetapi bukankah negeri itu diwarisi dalam keadaan serba-serbinya sudah siap. Jika dulu

menjadi pengkritik, kini bersedialah dengan ujian.

Sistem demokrasi memang memerlukan pembangkang untuk ketelusan pentadiran. Anehnya, mengapa ramai rakyat Pantai Timur masih berhijrah dan mencari makan di negeri lain?

Pembangkang juga mendakwa memilih Johor sebagai tempat singgah pertama `road show' mereka memandangkan negeri ini kubu kuat Umno. Apa maksud dan niat mereka ghairah mengajak rakyat mengadakan demonstrasi jalanan setiap hari?

Di sini kaum ibu dan isteri perlu memainkan peranan proaktif menasihati anggota keluarga yang mungkin diperalatkan untuk menyertai demonstrasi berkenaan.

Yang menyuruh itu jangan diikuti membuta tuli. Mereka itu hidup dalam kemewahan dan ada agenda peribadi.

Kita boleh mempersoalkan pernahkah mereka ini menunjukkan cara menjadikan negara ini kuasa ekonomi yang disegani di rantau ini? Pernahkah mereka mengajak rakyat ke arah memperkukuhkan perpaduan?

Lupakah mereka sejarah penubuhan Umno di Istana Besar Johor? Umno bukan ditubuhkan di kaki lima atau untuk kepentingan individu. Mereka ini kalau bertengkar, sentiasa hendak menang walaupun tiada ilmu dan pengalaman. Kalah tak mahu, malah seri jauh sekali.

Sewajarnya mereka menghormati keputusan majoriti pengundi yang memberi mandat kepada Barisan Nasional (BN).

Sering juga terdengar di antara penyokong pembangkang yang saling mengingatkan sesama sendiri agar jangan lupakan perjuangan. Bunyinya sungguh patriotik tetapi menggelikan. Semacam hikayat Sang Kancil dalam bab `langit nak runtuh', semuanya terpedaya terjun masuk lubang.